



## Staf teknikal UMP hasil video tutorial bantu PdP

15 Januari 2021

*Mohd Khairul Anam Md Khairudin*

Pandemik Covid-19 memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan penggunaan aplikasi dalam talian (online) sebagai norma baharu bagi pembelajaran.

Hal ini sekali gus mencetuskan pelbagai idea kreatif tenaga pengajar untuk membantu pelajar agar mereka tidak ketinggalan dalam pengajian diikuti.

Sehubungan itu, selaras usaha untuk membantu mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), empat staf teknikal dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FIST) telah berjaya menghasilkan 20 video tutorial penggunaan peralatan makmal bagi membantu pelajar.

Menurut Pegawai Sains Kanan, Ts Hairunnisa Osman, idea penghasilan video tutorial tersebut tercetus apabila mendapati sistem pembelajaran kini banyak diadakan secara dalam talian.

“Pastinya pelajar memerlukan video sokongan untuk membantu mereka lebih memahami terutama dalam penggunaan peralatan di makmal.



“Kumpulan OSHTECH FSTI telah mengambil inisiatif ini untuk menerbitkan video tutorial penggunaan peralatan makmal agar pembelajaran dapat dijalankan secara maya kepada pelajar dalam norma baharu ini,” jelas beliau.

Ts Hairunnisa menjelaskan, dengan adanya video tutorial penggunaan peralatan berkenaan, pelajar dapat memahami teknikal penggunaan peralatan seiring dengan teori yang disampaikan pensyarah.

Pada masa sama, pelajar boleh meneruskan proses pembelajaran bagi subjek teknikal masing-masing.

“Penghasilan video ini adalah untuk menyokong aktiviti pembelajaran pelajar bagi subjek Exposure Measurement Technique and Analysis (EMTA) dan subjek Industrial Hygiene (IH).

“Sehingga kini, sebanyak 20 video tutorial penggunaan peralatan makmal telah dihasilkan. Video tutorial ini dikongsi secara terus melalui google drive kepada pelajar semasa sesi kuliah dalam talian dan turut dimuat naik di saluran Youtube FSTI iaitu FISTUMPTV.

“Video ini juga sesuai ditonton oleh semua pelajar jurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) serta individu yang terlibat dalam mengendalikan peralatan OSH untuk tujuan kompetensi,” jelas beliau.

Ts Hairunnisa menjelaskan terdapat beberapa cabaran yang perlu ditempuhi terutama ketika pembikinan video itu dilaksanakan.

“Paling utama adalah pengendalian peralatan video untuk sesi rakaman dan kemahiran dalam menyunting video memandangkan kebanyakan daripada staf teknikal ini masih belum mahir dalam proses penghasilan video.

“Namun, kami berharap agar video tutorial yang dihasilkan akan memberikan kefahaman yang baik berkaitan dengan pengendalian peralatan khususnya kepada pelajar OSH UMP dan seterusnya dapat mempromosikan kelengkapan makmal OSH UMP kepada umum,” jelas beliau.